

05/07/1999

Dadah: Hukuman mati mandatori diiktiraf dunia

GEORGETOWN, Ahad - Kritikan keras terhadap Malaysia sebelum ini berikutan pengenalan kepada hukuman mati mandatori kini bertukar kepada pengiktirafan bahawa hukuman itu berjaya mengurangkan kegiatan pengedaran dadah di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid, berkata di peringkat antarabangsa, Malaysia diiktiraf sebagai negara yang mempunyai penguatkuasaan dan undang-undang terbaik terhadap kesalahan pengedaran dadah.

Menurutnya, pengedar dadah kini tidak lagi menjadikan Malaysia sebagai negara sasaran sebaliknya mereka cuba mengelak daripada di tangkap di negara ini.

"Kebanyakan negara asing melihat usaha Malaysia sebagai satu kejayaan dan tindakan berkesan menangani gejala penyalahgunaan dadah," katanya selepas melepaskan kira-kira 300 peserta walkaton 'Jauhkan Diri Dari Dadah' di sebuah hotel di sini hari ini.

Walkaton itu dianjurkan bersama oleh Agensi Dadah Kebangsaan Malaysia Pulau Pinang, Hotel Cititel dan Hotel Sandy Bay Paradise.

Beliau berkata, jika pada tahun 80-an negara asing mengutuk langkah Malaysia, sebaik sahaja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memperkenalkan undang-undang itu dengan menganggapnya sebagai sistem 'tidak bertamadun', tetapi kini mereka mula mempercayai keberkesanannya.

Azmi berkata, Amerika Syarikat adalah antara negara yang mengiktiraf undang-undang dadah Malaysia dan memandang tinggi cara hukuman itu dikuatkuasakan.

"Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB), baru-baru ini juga menggambarkan Malaysia sebagai sebuah negara terbaik dalam memastikan undang-undang dadahnya dikuatkuasakan," katanya.

Beliau berkata, Malaysia kini juga mendahului dalam melaksanakan projek berkaitan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) yang dilancarkan tahun lalu untuk syarikat kecil dan sederhana mengadakan program pencegahan dadah masing-masing.

Menurutnya, empat negara lain yang turut mengambil bahagian dalam projek itu, Afrika Selatan, Zimbabwe, Mesir dan India.

Azmi berkata, kerajaan tidak akan mengambil mudah masalah dadah di negara ini tetapi akan meneruskan usaha menerangi gejala dadah sehingga ke peringkat akar umbi.

Beliau berkata, usaha itu sebagai sasaran untuk menjadikan Malaysia bebas daripada dadah menjelang 2023.

"Projek ILO adalah dengan matlamat untuk mengatasi masalah dadah di tempat kerja kerana 85 peratus penagih dadah adalah di kalangan pekerja," katanya.

Sementara itu, katanya, jumlah penagih dadah tertinggi adalah di Johor dengan 1,084 penagih diikuti dengan Wilayah Persekutuan (1,064) dan Kelantan (1,042).

Menurutnya, walaupun Kelantan di tempat ketiga daripada jumlah tertinggi tetapi ia hanya berbeza 42 penagih daripada Johor dan keadaan itu tidak wajar berlaku di Kelantan yang diterajui Pas.

"Apakah yang dilakukan oleh Pas dalam menangani gejala penyalahgunaan dadah di kalangan rakyatnya," katanya.

Sehubungan itu, katanya, Pas tidak wajar memberi alasan bahawa ia berdekatan dengan sempadan Thailand dan masalah itu sukar ditangani kerana

negeri lain juga terletak di sempadan tetapi keadaan tidak seburuk di Kelantan.

Sebanyak 18,064 operasi anti dadah dijalankan dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini. Dalam operasi itu sebanyak 4,039 penagih ditahan serta 83.81 kg heroin dan 768.36 kg ganja dirampas.

(END)